

MS 4

RM7 bilion pulihkan FELDA

→ Kerajaan perlu suntik modal demi bela nasib peneroka

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan perlu menyuntik RM7 bilion untuk memulihkan FELDA yang kini menghadapi masalah aliran tunai dan bebanan hutang yang tinggi.

Bekas Pengerusi FELDA, Tan Sri Yusof Noor, berkata modal sebanyak itu akan dapat memulihkan FELDA agar kembali kukuh seperti zaman kegemilangannya yang mempunyai aliran tunai antara RM2.5 bilion hingga RM5 bilion setahun.

Beliau yang menerajui FELDA dari 2001 hingga 2010, berkata kerajaan perlu menyuntik modal itu jika mahu menyelamatkan FELDA, seterusnya membela nasib peneroka yang kini tertekan dengan masalah dihadapi agensi berkenaan.

Katanya, dengan suntikan modal RM7 bilion, FELDA boleh bertahan untuk tempoh lima hingga enam tahun lagi sebelum kembali mencipta kejayaan

EKSKLUSIF

yang pernah dikecapi sepanjang 50 tahun penubuhannya.

“Sekiranya kerajaan tidak mampu, suntikan modal itu boleh diperolehi daripada mana-mana agensi atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang lain atau dari gabungan mana-mana agensi dalam negara.

“Namun, jangan sekali-kali mendapatkan bantuan atau suntikan modal daripada institusi luar yang hanya akan membebankan lagi FELDA pada masa depan,” katanya pada temu bual eksklusif bersama BH di pejabatnya di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) di sini, semalam.

Suntikan modal tangani masalah aliran tunai

Yusof berkata, suntikan modal berkenaan bagaimanapun hanya dapat menyelesaikan aliran tunai, manakala pemulihan juga perlu dibuat ke atas penguurusan FELDA secara keseluruhannya dalam pelan pemulihan agensi berkenaan.

“Sepatutnya, dalam menjejak usia 60 tahun penubuhannya, FELDA sudah ada RM10 bilion masa kini, tetapi hal sebaliknya berlaku. Untuk kumpul RM1 bilion pusingan modal pun tidak mampu... saya faham kesulitan dihadapi kerajaan hari ini, na-

mun apa pun, kerajaan perlu beri geran kepada FELDA dan rancang kembali seperti ketika penubuhannya dulu.

“Kerajaan terpaksa bantu,” katanya sambil menambah, kepercayaan dan semangat serta budaya kerja FELDA ketika zaman kegemilangan agensi itu perlu dikembalikan dengan mengambil kira kebajikan kakitangan dan warga peneroka.

“Semangat dan budaya kerja FELDA sebelum wujudnya FGV Holdings Berhad perlu dikembalikan, lebih-lebih lagi memabitkan kakitangan di ibu pejabat dan pejabat FELDA negeri, daerah serta kawasan, termasuk pengurus rancangan kawasan dan peneroka. Aspek ini perlu diambil kira,” katanya.

Beliau juga mahu semua pelaburan bakal dibuat FELDA perlu melalui jawatankuasa khas pelaburan yang dianggotai profesional, bukan berdasarkan keputusan pengerusi atau ahli lembaga FELDA sahaja.

“Ketika saya menerajui FELDA, setiap pelaburan dibuat melalui jawatankuasa khas pelaburan dan pertimbangan kita bukan hanya keuntungan semata-mata, tetapi juga kebajikan dan pulangan yang memberi manfaat kepada peneroka. Kita tidak akan melabur dalam pelaburan berisiko tinggi,” katanya.

Beliau turut menyentuh mengenai hutang peneroka yang dilaporkan mencecah RM7.5 bi-

lion dan berkata, perkara itu tidak memberi masalah kepada FELDA jika agensi berkenaan mempunyai aliran tunai.

“Ini (hutang) menjadi masalah bukan kerana peneroka tidak bayar balik pinjaman, tetapi kerana FELDA kini hampir tiada aliran modal,” katanya.

Amal prinsip integriti

Berdasarkan pengalamannya bersama FELDA, beliau percaya agensi itu boleh dipulihkan dan mempunyai aliran tunai yang tinggi jika amalan pentadbiran serta penguurusan berjalan mengikut prinsip-tadbir urus yang baik dan berintegriti.

Yusof juga mengakui terkilan dengan penguurusan FELDA selepas beliau meninggalkan agensi itu pada 2010 sehingga berjaya mencipta kejayaan untuk 50 tahun pertama penubuhannya apabila tidak lagi mempunyai apa-apa hutang dengan mana-mana agensi dan institusi kewangan.

Lebih manis lagi, katanya, jumlah aliran tunai agensi itu tidak pernah kurang daripada RM2.5 bilion setahun, hinggan satu ketika, FELDA pernah membantu beberapa kerajaan negeri membina infrastruktur dan membantu usaha kerajaan membasmi kemiskinan di luar bandar.

→ **SOAL JAWAB YUSOF NOOR**
Ms.11